

Silat belum pasti ditanding di Filipina

19 AUG 1989

MASA depan acara silat yang mula diperkenalkan di Jakarta, kini menjadi tanda tanya.

Ini adalah kerana Filipina selaku tuan rumah sukan ini pada 1991 tidak dapat menegakkan sama ada acara ini akan terus diselitkan seperti dalam temasya sukan kali ini.

"Kami akan merujuk kepada mesyuarat Persekutuan Sukan SEA untuk memutuskannya," kata Ketua Perwakilan Filipina, Arturo Ilagan yang juga menjadi Ketua Gintong Alay Filipina.

Filipina yang mengemukakan kontinjen terbesar dalam sejarah penyertaannya sukan ini iaitu seramai 412 atlit, akan mengambil bahagian dalam semua acara kecuali silat dan gimnastik berirama.

Soal Filipina menjadi tuan rumah akan diputuskan secara rasmi dalam mesyuarat Persekutuan Sukan SEA pagi ini.

Ilagan kemudian memberitahu

bahawa adalah menjadi matlamat negaranya untuk se-kurang-kurangnya mengutip 59 emas seperti dalam sukan Jakarta. * SANI ALI

"Tetapi itu adalah matlamat minimum. Kami harap dapat mengutip antara 59 hingga 70 pingat emas," beliau menerangkan. * YUSOFF KAHAYAN

Sebahagian besar daripada pungutan itu akan diperolehi dalam acara seperti atletik dan renang.

Filipina juga berharap untuk menggondol 10 emas dalam renang dan lapan dalam atletik. Bagaimanapun dalam atletik, Filipina tidak boleh bergantung kepada Lydia de Vega yang kini sedang berehat kerana baru sahaja bersalin.

"Lydia akan kembali bergiat cergas dalam tiga bulan lagi untuk menghadapi cabaran Sukan Asia Beijing nanti," tambahnya.

Beliau juga menarik perhatian bahawa negara-negara lain

harus memberikan perhatian kepada pasukan gimnastik Filipina.

Filipina, ujarnya, yakin mengutip tiga emas. Keyakinan itu dibuat berdasarkan kepada latihan yang diadakan di Amerika Syarikat selama enam bulan.

Menerangkan lebih lanjut tentang Sukan SEA 1991, Ilagan berkata negaranya telah bersedia untuk menjadi tuan rumah setelah kali terakhir menerima kunjungan negara-negara luar negeri dalam 1981.

Bahkan, tegasnya, Filipina telah membuat persiapan sejak tahun lalu. Antaranya membina stadium serba guna untuk kegunaan acara-acara tinju, gimnastik dan acara-acara sukan mempertahankan diri.

Di samping itu pusat bowling dengan 24 lorong juga akan dibina. Bagaimanapun, beliau tidak pula memberitahu bajet bagi mengendalikan sukan itu nanti.

Zabidi (pemenang emas) guru silat

19 AUG 1989

PEMENANG pingat emas tunggal Brunei, pesilat Zabidi Ali, tidak disertakan dalam kontinjen negaranya apabila kumpulan pertama 143 orang pegawai dan atlit negara itu tiba di sini, kelmarin.

Kumpulan kedua kontinjen Brunei seramai 89 orang tiba petang semalam.

Chef-de-Mission Brunei, Pengiran Penggawa Pengiran Haji

Mokhtar Puteh, berkata kini Zabidi sudah menjadi guru silat, yang dipertanggungjawabkan membentuk pesilat-pesilat muda.

"Kami tidak mahu menggan-gu kerana beliau begitu sibuk dengan tugasnya melatih pemain-pemain muda berpotensi yang akan diketengahkan dalam pertandingan-pertandingan antarabangsa masa depan," ka-

ta Pengiran Penggawa.

Pengiran Penggawa, yang enggan membuat ramalan pingat, tetapi mahu menambah bilangan yang dimenangnya dalam dukan lalu. Buat pertama kalinya sejak 1977, Brunei menang sebutir pingat emas, enam perak dan 17 gangsa daripada Sukan SEA di Jakarta. — Bernama.